

## TREND PEMBERITAAN ISU KEGANASAN DALAM AKHBAR PERDANA MALAYSIA DAN INDONESIA

DAFRIZAL, FARIDAH IBRAHIM, CHANG PENG KEE & FAUZIAH AHMAD  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

### **Abstrak**

Peristiwa keganasan yang berlaku di rantau ASEAN terutama yang membabitkan isu negara Malaysia dan Indonesia menjadi perhatian penting dalam liputan media massa kedua-dua negara serumpun dan berjiran tersebut. Pada 17 Julai 2009, insiden serangan dahsyat pengganas meletupkan hotel JW Marriot dan Ritz Carlton di Jakarta kembali menjadi tumpuan pemberitaan akhbar Malaysia dan Indonesia. Bagi media massa Indonesia, peristiwa tersebut sebagai bahan pemberitaan yang bernilai tinggi memandangkan peristiwa tersebut berlaku di Indonesia sehingga memiliki nilai kedekatan dengan pembaca. Begitu juga dengan media massa Malaysia, dakwaan pengganas asal Malaysia Noordin M Top sebagai yang bertanggungjawab disebalik peristiwa tersebut, membuat insiden keganasan tersebut memiliki nilai kelayakan berita yang tinggi. Namun demikian, perbezaan sistem amalan media antara Indonesia yang lebih bebas berbanding Malaysia yang masih akur dengan undang-undang dan polisi kerajaan, maka sudah pasti menjadi daya tarikan tersendiri dalam konteks menentukan hala tuju orientasi pemberitaan isu keganasan. Dalam pada itu, kedekatan emosional antara Malaysia dan Indonesia sebagai negara serumpun yang memiliki latar belakang budaya dan majoriti agama Islam turut sudah pasti menjadi pertimbangan tersendiri dalam pemberitaan isu keganasan akhbar perdana kedua-dua negera tersebut. Oleh itu, tujuan perbahasan dalam artikel ini ialah untuk melihat sejauh mana trend pemberitaan isu keganasan, terutamanya dari segi arah berita dan tajuk berita, sumber penulisan berita dan sumber dalam penulisan berita.

***Kata-kata kunci:*** *Isu keganasan (terorisme), berita keganasan, Akhbar perdana*

## REPORTING TRENDS ON VIOLENCE ISSUES IN MALAYSIAN AND INDONESIAN MAINSTREAM NEWSPAPERS

### **Abstract**

Terrorisms that occur in the ASEAN region especially between Malaysia and Indonesia have become the main focus in the coverage of newspaper reports in these two neighbouring countries. The bombings of JW Marriot and Ritz Carlton on 17th July 2009 in Jakarta have once again become major headlines in both countries' newspapers. For the Indonesian reporters, these attacks carry high value as it happened in their homeland and has close proximity to the readers. Similarly, this news is highly valuable to the Malaysian media as the terrorist Noordin M Top from Malaysia is alleged to be responsible for the incident. However, because of the differences in media practice between the two countries; Indonesia practices free and independent media system whilst Malaysia is bound to the rules and government policies, will have their own individual inclinations to determine the reporting orientation on terrorism. Meanwhile the emotional proximity between Malaysia and Indonesia that share similar roots and possess similar cultural background and religion will surely have their unique considerations in reporting issues on terrorism in both countries' daily mainstream. Thus, the aim of this discussion is to look at the extent news reporting trends on terrorist's issues, mainly from news direction and headline, the source of news reports and the source in news reporting.

***Keywords:*** *The issue of violence (terrorism), terrorism news, press premiere*

### **LATAR BELAKANG**

Fenomena hubungan media dan keganasan, memiliki perspektif tersendiri sebagai bahagian wujud realiti sosial dalam tamadun manusia. Perkara ini juga suatu perkara yang baru, ini kerana media memainkan peranan dalam menyebarkan pelbagai peristiwa keganasan secara meluas menerusi laporan berita. Hal ini juga bukan tidak beralasan, sememangnya perdebatan mengenai isu penganas dan keganasan tetap relevan menjadi agenda pemberitaan media massa, untuk selanjutnya didedahkan kepada khalayak ramai (Dafrizal

& Faridah Ibrahim 2010). Pandangan ini selari dengan Anderson (2008) yang memandang bahawa media merupakan aspek penting bagi keganasan. Ini kerana keganasan memerlukan media sebagai saluran maklumat yang mahu disampaikan pada khalayak sasaran (Ganor 2005). Dalam pada itu, media pula melihat peristiwa keganasan sebagai satu penggambaran dan liputan berita yang menggemparkan (Gissmann 2002). Oleh kerananya, sebahagian besar para sarjana melihat bahawa antara media dan keganasan memiliki hubungan yang saling bergantung dan menguntungkan antara satu dengan yang lain (White 2006; Ganor 2005; Basu 2003; Giessmann 2002).

Misalnya, Basu (2003), melihat hubungan media dan keganasan daripada tiga perspektif iaitu pengganas, media, dan pembuat polisi. Dari segi perspektif pengganas iaitu publisiti dan pendedahan media berperanan penting bagi pencapaian perhatian publik, mendatangkan tindak balas daripada pembuat polisi, dan sebagai saluran penyampaian keluhan dan tuntutan tujuan mereka. Dari segi media massa, media massa dipandang membantu para pengganas bagi memperoleh penghargaan. Terakhir, para pembuat polisi dapat menggunakan media bagi operasi membalas keganasan (counter terrorism). Selain Basu, Hubungan media dan keganasan juga dibincangkan oleh McQuail yang menyatakan bahawa banyak kekerasan pengganas merupakan perkara yang sama ada direncanakan mahupun yang disasarkan bagi tujuan politik, oleh orang-orang yang berusaha menggunakan media. Walaupun secara tidak langsung, perkara ini telah menimbulkan hubungan yang rumit di antara media dan keganasan (McQuail 2000). Menurut Anderson (2008) Publisiti merupakan tujuan utama dan sebuah senjata bagi pelaku teror terhadap orang awam untuk menimbulkan kekacauan politik atau menyebabkan kerusuhan. Dengan erti kata lain, interaksi antara media dan terorisme memiliki corak interaksi tersendiri bagi pencapaian tujuan masing-masing yang telah ditetapkan.

Dalam konteks perbahasan ini pula, media massa Malaysia dan Indonesia adalah menjadi fokus bahan kajian dalam penyelidikan ini. Ini kerana media massa di kedua-dua Negara ini turut aktif dalam membuat liputan keganasan (Dafrizal & Faridah Ibrahim 2010; Faridah Ibrahim 2008; Mahony 2010; Nelson 2004, 2006), terutamanya peristiwa keganasan yang berlaku dan membabitkan kedua-dua Negara serumpun Melayu ini. Namun demikian, berbanding Malaysia, Indonesia adalah kerap menjadi kawasan sasaran operasi serangan pengganas berskala besar. Misalnya, insiden peristiwa bom Bali 2002 dan 2005, pengeboman hotel JW Marriot pada 2003, dan Kedutaan Australia pada 2004 (Nelson 2004, 2006). Pada prinsipnya, peristiwa keganasan yang berlaku di Indonesia dalam skala yang besar, tidak hanya ramai menghiasi laporan berita media antarabangsa, tetapi juga menjadi topik pemberitaan media massa di Malaysia dan Indonesia (Nelson 2004, 2006; Mahony 2010).

Dalam pada itu, pada 17 Julai 2009 Indonesia kembali digegarkan oleh serangan dahsyat pengganas yang meletupkan hotel mewah JW Marriot dan Ritz Carlton di Jakarta. Peristiwa ini kembali menjadi tumpuan agenda utama pemberitaan

media massa di Malaysia dan Indonesia. Sebagai contoh, dalam petikan berita Utusan Malaysia dari Malaysia melaporkan, “serangan Hotel JW Marriot dan Ritz-Carlton pada 17 Julai lalu memberi tamparan yang hebat buat negara Indonesia” (Utusan Malaysia, 25 Julai 2009). Demikian pula dengan akhbar Jakarta Post dari Indonesia pula melaporkan, “Noordin M Top. The fugitive Malaysian terrorists claimed responsibility for the bombings at JW Marriott and Ritz-Carlton hotels in Jakarta on July 17” (Jakarta Post, July 31, 2009). Pada dasarnya, perkongsian isu keganasan antara Malaysia dan Indonesia, salah satunya disebabkan insiden keganasan yang berlaku di Indonesia membabitkan pelaku penganas asal Malaysia seperti Dr. Azhari Husin dan Noordin M Top (Daljit Singh 2009).

Dalam pada itu, terdapat perbezaan keadaan dasar media massa antara Malaysia dan Indonesia. Media massa di Malaysia mencerminkan keadaan kerajaan dan masyarakat di mana ia beroperasi (Faridah Ibrahim 2003) kerana ia dikawal oleh kerajaan dan syarikat-syarikat media yang bersekutu dengan para pemimpin kerajaan bagi kelangsungan kehidupan politik daripada pemerintahan parti kerajaan dan mengukuhkan kuasa para pemimpin (Mohd Azizuddin Mohd Sani 2004). Manakala di Indonesia, apabila berlakunya era reformasi pada 21 Mei 1998 ditandai dengan penyerahan kekuasaan Presiden Suharto ke timbalanya B.J Habibie dan dilantik sebagai Presiden, maka kawalan ke atas media dinyatakan berakhir yang ditandai dengan dibatalkannya Surat Izin Usaha Penebitan Pers (akhbar) (SIUPP), dan akhbar sekarang lebih terbuka dan kritikal (Toeti Kakiailatu 2007). Kenyataan ini menunjukkan bahawa terdapat ketidak samaan dasar media pada kedua-dua Negara Malaysia dan Indonesia iaitu dalam konteks kawalan dan kebebasan media. Sehubungan dengan ini, pengkaji memandang bahawa wujudnya perbezaan dasar media massa akan menghasilkan trend liputan dan kandungan berita media massa, salah satunya dalam liputan isu keganasan.

Kembali kepada pokok perbincangan mengenai fenomena media dan keganasan, terutamanya adalah trend liputan media massa ke atas peristiwa keganasan. Maka dalam hal ini, antara soalan-soalan yang menarik untuk dikaji dan antara lain ialah sejauhmana trend liputan pemberitaan isu keganasan dalam media massa Malaysia dan Indonesia? Bagaimana orientasi liputan media massa Malaysia dan Indonesia mengenai isu keganasan? Bagaimana trend orientasi pemilihan sumber penulisan dan pembekal berita daripada agensi berita antarabangsa berkenaan dengan maklumat keganasan?

## **KONSEP KEGANASAN DAN BERITA KEGANASAN**

Dari perspektif sejarah, perkembangan terorisme, para pakar berpendapat bahawa terma “terorisme” pertama sekali muncul dan mejadi popular pada abad ke-18, pada masa pemerintahan teror revolusi Perancis dengan tujuan utama untuk menunjuk aksi-aksi kekerasan pemerintah untuk menjamin ketaatan rakyat (Juergensmayer 2003; Chomsky 2002). Dalam pandangan lain pula,

diperkatakan bahawa istilah pengganas dan keganasan pertama sekali didapati dalam kamus Académie Française tahun 1798 iaitu merujuk kepada “system or rule of terror’s”. Bagaimana pun, ungkapan pengganas dan keganasan itu didapati menjadi perbualan orang ramai dalam period Mac 1793-Julai 1794 iaitu pada masa revolusi Perancis, terutama dikenali sebagai period ‘reign of terror’ (Chailiand & Blin 2007; Laqueur 2002).

Dalam pada itu, apabila terma “teroris” ditelusuri mengikut makna etimologi, maka kebanyakan pakar bersepakat bahawa kata “terror” berasal daripada bahasa latin “terrere” yang bererti “menakut-nakuti” (to terrify) atau (to frighten), atau dengan kata lain “menimbulkan rasa gementar dan rasa cemas” (Bolz, et al. 2005; Engene 2004; Jurgensmeyer 2003; Wilkinson 1974). Ini bermakna, kesan tindakan “teror” yang melahirkan rasa takut, gementar dan rasa cemas adalah fakta penting daripada aksi teroris itu sendiri. Malah kenyataan lain menyebutkan “terorisme” merupakan suatu teknik singkat oleh Sun Tzu 2500 tahun lalu; “Membunuh satu orang untuk menggentarkan sepuluh ribu yang lain” (Chakraborti 2003). Sharom TM Sulaiman (2002) mencirikan terorisme ke dalam empat bentuk iaitu jenayah, psikik, perang dan politik. Manakala Manulang (2005) pula memaparkan karakteristik terorisme ke atas empat kategori iaitu; organisasi, operasi, perilaku, dan sumber daya. Dalam perbahasan kajian ini pula, yang dimaksudkan dengan keganasan adalah suatu tindakan ganas yang sengaja dilakukan oleh siapa pun dan daripada pihak mana pun dengan memiliki maksud dan tujuan tertentu, serta menimbulkan rasa takut, gementar dan cemas ke atas sama ada individu persendirian mahupun orang ramai.

Manakala, yang dimaksudkan berita keganasan ialah berkenaan dengan berita-berita pelbagai isu mengenai insiden peristiwa keganasan iaitu serangan pengganas ke atas JW Marriot dan Ritz Carlton pada Julai 2009 yang dimuat akhbar perdana UM dan NST dari Malaysia, RP dan JP dari Indonesia.

## **KAEDAH KAJIAN**


Fokus kajian ini ialah mengkaji trend orientasi pemberitaan isu keganasan dalam akhbar perdana Utusan Malaysia (UM) dan New Straits Times (NST), dari Malaysia, Republika (RP) dan Jakarta Post (JP) dari Indonesia yang merangkumi arah berita dan tajuk berita, sumber penulisan berita dan sumber dalam penulisan berita. Analisis isi kandungan kualitatif berteraskan kaedah analisis pbingkaiian Entman (1993) dengan merujuk empat fungsi pbingkaiian iaitu pendefinisian masalah, mentafsiran punca masalah, penilaian moral dan cadangan penyelesaian masalah telah dijalankan sebagai kaedah pemilihan bahan kajian. Selain itu, proses pemilihan bahan kajian juga mengikut pencirian persampelan bertujuan seperti digariskan oleh Lexy J. Moleong (2007). Didapati keseluruhan sejumlah 252 berita keganasan terpilih sebagai bahan kajian iaitu terdiri daripada 63 berita dalam akhbar UM, 40 berita dalam NST, 54 berita dalam RP dan 95 berita keganasan dalam JP. Kesemua berita keganasan tersebut telah diterbitkan dalam kesemua akhbar perdana Malaysia dan Indonesia dalam

tempoh 1 Julai 2009 hingga ke 31 Ogos 2009.

Pemilihan akhbar perdana UM dan NST dari Malaysia, RP dan JP dari Indonesia tersebut sebagai atas alasan iaitu; i) Kedua-dua akhbar arus perdana Malaysia dan Indonesia memiliki polisi dan agenda berita yang berbeza dalam memuat berita-berita tentang keganasan. ii) Kedua-dua akhbar arus perdana Malaysia dan Indonesia tersebut, masing-masing sebagai akhbar berbahasa Melayu / Indonesia dan Inggeris yang memiliki wilayah edaran dan tingkat status pembaca yang besar di seluruh pelusok Malaysia dan Indonesia, sehingga memiliki pengaruh yang signifikan dalam pembentukan pendapat publik. iii) Kedua-dua akhbar arus perdana Malaysia dan Indonesia tersebut secara proaktif dan kreatif mengulas dan menerbitkan berita-berita semasa mengenai peristiwa keganasan terutama berikutan peristiwa pengeboman hotel JW Marriot dan Ritz-Carlton Jakarta, Indonesia pada Julai 2009.


## **HASIL KAJIAN**

Dari segi tumpuan arah berita isu keganasan, didapati keseluruhan kekerapan arah berita isu keganasan pada keempat akhbar perdana iaitu UM, NST, RP dan JP adalah paling dominan berarah negatif mencapai 45.2 % (114 berita), dan paling kurang dominan iaitu berarah neutral sebanyak 11.1% (28 berita). Mana kala, secara terperinci, arah berita isu keganasan akhbar UM adalah paling dominan berarah negatif mencapai 50.8% (32 berita), dan paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 6.3% (4 berita), dan selebihnya adalah 27% (17 berita) positif, serta 15.9% (10 berita) seimbang. Selanjutnya, arah berita isu keganasan akhbar NST adalah paling dominan berarah negatif mencapai 45.0% (18 berita), dan paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 2.5% (1 berita), dan selebihnya adalah 30.0% (12 berita) seimbang, serta 22.5% (9 berita) positif. Pengkaji juga mendapati kecenderungan arah berita isu keganasan akhbar RP adalah paling dominan berarah negatif mencapai 35.2% (19 berita), dan paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 18.5% (10 berita), dan selebihnya 25.9% (14 berita) positif, serta 20.4% (11 berita) seimbang. Manakala, arah berita isu keganasan akhbar JP adalah paling dominan berarah negatif mencapai 47.4% (45 berita), dan yang paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 13.7% (13 berita) neutral, dan selebihnya 20.0% (19 berita) positif, serta 18.% (18 berita) seimbang. Lebih jelas dapat dilihat pada rajah 1.



Rajah 1 Kekerapan arah berita


Dari perspektif arah tajuk berita isu keganasan, dapatan kajian menunjukkan bahawa secara keseluruhan kekerapan arah tajuk berita isu keganasan pada keempat akhbar perdana iaitu UM, NST, RP dan JP adalah paling dominan berarah negatif mencapai 46.4% (117 berita), dan paling kurang dominan iaitu berarah neutral hanya 11.1% (28 tajuk berita). Manakala secara terperinci, arah tajuk berita akhbar UM adalah paling dominan berarah negatif mencapai 50.8% (32 tajuk berita), dan paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 6.3% (4 tajuk berita), dan selebihnya adalah 28% (18 tajuk berita) positif, serta 14.3% (9 tajuk berita) seimbang. Selanjutnya, arah tajuk berita akhbar NST adalah paling dominan berarah negatif mencapai 45.0% (18 berita), dan paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 2.5% (1 tajuk berita), dan selebihnya 40.0% (16 tajuk berita) positif, serta 12.5% (5 tajuk berita) seimbang. Pengkaji turut mendapati arah tajuk berita akhbar RP adalah paling dominan berarah negatif mencapai 35.2% (19 berita), dan paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 16.7% (9 tajuk berita), dan selebihnya 27.89% (15 tajuk berita) positif, serta 20.4% (11 tajuk berita) seimbang. Manakala, arah tajuk berita akhbar JP adalah paling dominan berarah negatif mencapai 50.5% (48 tajuk berita) dan paling kurang dominan adalah berarah neutral sebanyak 7.4% (7 tajuk berita), dan selebihnya 27.4% (26 tajuk berita) positif, serta 14.7% (14 tajuk berita neutral). Untuk lebih jelas tren arah tajuk berita isu keganasan pada keempat akhbar perdana tersebut dapat dilihat pada rajah 2



Rajah 2 Kekerapan arah tajuk berita


Mengikut perspektif sumber penulisan berita, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa secara keseluruhan kekerapan sumber penulisan berita isu keganasan pada keempat akhbar perdana iaitu UM, NST, RP dan JP adalah paling dominan bersumber daripada staf akhbar sendiri mencapai 48.8% (123 berita) dan paling kurang dominan daripada Bernama sebanyak 2.4% (6 berita). Selanjutnya, pengkaji mendapati sumber penulisan berita isu keganasan akhbar UM adalah paling dominan bersumber daripada AFP dan Agensi iaitu 46% (29 berita), manakala paling kurang dominan daripada lidah pengarang sebanyak 3.2% (2 berita), serta tidak ada berita bersumber daripada Antara. Penyelidik turut mendapati sumber penulisan berita isu keganasan akhbar NST adalah paling dominan bersumber daripada AFP dan staf akhbar sendiri iaitu mencapai 72.5% (29 berita), dan paling kurang dominan daripada Reuters dan penulis jemputan iaitu masing-masing 2.5% (1 berita), serta tidak ada berita daripada Antara, Editor lidah pengarang, dan kategori sumber lain-lain. Pengkaji juga mendapati sumber penulisan berita isu keganasan akhbar RP adalah paling dominan dibekalkan daripada staf akhbar sendiri iaitu mencapai 85.2% (46 berita), dan paling kurang dominan daripada AP, Reuters, dan Editor lidah pengarang iaitu masing-masing 1.9% (1 berita), serta tidak ada berita daripada AFP, Bernama, Agensi dan kategori sumber lain-lain. Pengkaji juga mendapati sumber penulisan berita isu keganasan akhbar JP adalah paling dominan dibekalkan daripada staf akhbar sendiri dan Penulis jemputan iaitu mencapai 92.6% (88 berita), dan paling kurang dominan daripada Reuters iaitu 1.1% (1 berita), serta tidak ada berita daripada AFP, Bernama, Antara, Agensi dan kategori sumber lain-lain. Untuk melihat lebih jelas tren sumber penulisan berita isu keganasan pada keempat akhbar perdana tersebut dapat dilihat pada rajah 3





Rajah 3 Kekerapan sumber penulisan berita

Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa mengikut sumber penulisan berita secara keseluruhan kekerapan sumber dalam penulisan berita isu keganasan pada keempat akhbar perdana iaitu UM, NST, RP dan JP adalah paling dominan dibekalkan daripada polis dan pemimpin kerajaan iaitu mencapai 58.8% (148 berita) dan paling kurang dominan dibekalkan daripada militan/pengganas iaitu 0.4% (1 berita). Selanjutnya, pengkaji mendapati sumber dalam penulisan berita isu keganasan pada akhbar UM adalah paling dominan diambil daripada polis dan pemimpin kerajaan sebanyak 58.8% (37 berita), dan paling kurang dominan diambil daripada NGO sebanyak 3.2% (2 berita), serta tidak ada sumber dalam penulisan berita daripada militan/pengganas. Mengikut akhbar NST pula, penyelidik mendapati sumber dalam penulisan berita isu keganasan paling dominan bersumber daripada polis dan pemimpin kerajaan sebanyak 82.5% (33 berita), dan paling kurang dominan diambil daripada NGO dan orang awam masing-masing 2.5% (1 berita), serta tidak ada sumber dalam penulisan berita daripada pemimpin pertubuhan, agensi berita dan militan/pengganas. Pengkaji juga mendapati sumber dalam penulisan berita isu keganasan akhbar RP adalah paling dominan diambil daripada polis dan pemimpin kerajaan iaitu mencapai 55.5% (30 berita), dan paling kurang dominan daripada media sebanyak 1.9% (1 berita), serta tidak ada sumber dalam penulisan berita daripada agensi berita dan militan/pengganas. Pengkaji juga mendapati sumber dalam penulisan berita isu keganasan akhbar JP paling dominan dibekalkan daripada polis dan pakar sarjana iaitu mencapai 52.6% (50 berita), dan paling kurang dominan diambil daripada agensi berita dan militan/pengganas iaitu masing-masing 1.1% (1 berita), serta tidak ada sumber dalam penulisan berita daripada pemimpin pertubuhan. Untuk melihat lebih jelas tren sumber dalam penulisan berita isu keganasan pada keempat akhbar perdana tersebut dapat dilihat pada rajah 4.



Rajah 4 Kekerapan sumber dalam penulisan berita

## PERBINCANGAN

Dalam bahagian ini, fokus perbincangan berkenaan dengan arah berita dan tajuk berita, sumber penulisan berita dan sumber dalam penulisan berita berkenaan dengan isu keganasan. Secara keseluruhan kajian ini menunjukkan bahawa trend pola pemberitaan atau orientasi peliputan berita isu keganasan dalam akhbar UM, NST, RP dan JP memiliki corak yang sama. Misalnya, dari segi arah berita, keseluruhan arah berita isu keganasan dalam kesemua akhbar perdana Malaysia dan Indonesia tersebut adalah paling dominan berarah negatif mencapai 45.2 peratus, dan paling kurang dominan iaitu berarah neutral sebanyak 11.1 peratus. Demikian pula dengan corak arah tajuk berita, keseluruhan arah tajuk berita isu keganasan dalam kesemua akhbar perdana Malaysia dan Indonesia tersebut adalah adalah paling dominan berarah negatif mencapai 46.4 peratus, dan paling kurang dominan iaitu berarah neutral hanya 11.1 peratus .

Dari perspektif sumber penulisan berita, akhbar UM, NST, dari Malaysia secara keseluruhan kekerapan sumber penulisan berita isu keganasan didapatkan daripada sumber antarabangsa Agence France Press (AFP) yang masing-masing 27 peratus dan 30 peratus. Kedua-dua akhbar ini pula tiada didapati menggunakan agensi berita Antara sebagai sumber berita. Tingginya kekerapan penggunaan Agence France Press (AFP) sebagai sumber penulisan berita mengenai isu keganasan bukan tidak beralasan, ini kerana isu keganasan dalam kajian ini tergolong ke dalam isu antarabangsa, perkara ini pula telah didapati oleh Faridah Ibrahim dan Mohd Safar Hasim (2005), dalam kajian penggunaan sumber berita dalam media cetak dan eletronik di Malaysia, bahawa media perdana Malaysia menggunakan AFP sebagai salah satu sumber berita dominan untuk isu-isu berita antarabangsa.

Perkara ini berbeza dengan akhbar RP, JP dari Indonesia, kedua-dua akhbar ini dominan menggunakan berita yang bersumber daripada staf akhbar sendiri iaitu

akhbar RP mencapai 53.7 peratus, dan JP mencapai 73.7 peratus. Bagaimana pun, penggunaan sumber berita daripada staf akhbar sendiri bukannya tidak beralasan, perkara ini berlaku memandangkan tumpuan kajian liputan isu keganasan adalah merujuk kepada insiden keganasan yang berlaku di Indonesia, iaitu peristiwa pengeboman hotel Ritz-Carlton dan JW Marriot pada 17 Julai 2009, yang mana kedua-dua akhbar RP dan JP ini aktif melaporkan peristiwa tersebut (Dafrizal Samsudin & Faridah Ibrahim 2010). Dalam erti kata lain, dalam konteks kajian ini, didapati akhbar RP dan JP dari Indonesia dominan menggunakan sumber berita daripada staf akhbar sendiri dalam meliput peristiwa keganasan yang berlaku di dalam negara Indonesia.

Dari segi sumber dalam penulisan berita, kajian ini menunjukkan bahawa keseluruhan kekerapan sumber dalam penulisan teks berita berkenaan isu keganasan dalam akhbar UM, NST, RP dan JP adalah dominan menggunakan sumber polis dan pemimpin kerajaan iaitu mencapai 58.8 peratus. Ini menunjukkan bahawa kesemua akhbar tersebut secara dominan menggunakan sumber rasmi pemerintah atau kerajaan bagi mendapatkan pengesahan maklumat isu keganasan. Bagaimana pun, di Malaysia, dominannya penggunaan sumber rasmi daripada pemerintah untuk mendapatkan kesahihan maklumat berita keganasan bukan tidak beralasan, ini kerana media massa Malaysia dikawal dengan peraturan dan undang-undang (Mohd Safar Hasim 2004, 2005; Mohd Azizudin Mohd Sani 2004). Ini selari dengan Faridah Ibrahim (2003) yang mendapati bahawa media massa di Malaysia mencerminkan keadaan kerajaan dan masyarakat di mana ia beroperasi. Tidak hanya itu, Faridah Ibrahim dan Mohd Safar Hasim (2005) mendapati media massa Malaysia banyak menggunakan maklumat yang bersumber daripada elit kalangan pemimpin kerajaan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Para Menteri Kabinet, Pegawai tertinggi kerajaan dan sebagainya. Perkara ini juga selari dengan Fink (1988) yang mendapati bahawa semakin elit sesuatu sumber, semakin kerap ia digunakan sebagai sumber berita bagi meningkatkan kesahihan berita.

## **KESIMPULAN**

Melihat kepada perbincangan dan perbincangan kajian ini, pada umumnya akhbar UM, NST dari Malaysia, RP dan JP dari Indonesia menggunakan trend orientasi pemberitaan isu keganasan dengan corak yang sama. Dalam konteks ini, orientasi pemberitaan yang dimaksudkan adalah orientasi arah berita dan arah tajuk berita keganasan, secara dominan diliputi dengan corak yang negatif. Menyangkut sumber berita, pada umumnya kesemua akhbar perdana Malaysia dan Indonesia tersebut mendapatkan berita keganasan di peringkat antarabangsa ialah daripada agensi berita Agence France Press (AFP). Selain itu, memandangkan insiden keganasan berlaku di dalam negara Indonesia, maka akhbar Indonesia lebih mengutamakan mendapatkan berita daripada staf akhbar sendiri. Dari segi sumber dalam penulisan berita, sama ada akhbar perdana Malaysia mahupun Indonesia, kesemua akhbar tersebut dominan memperolehi sumber rasmi

daripada elit pemerintah sebagai pengesahan sumber maklumat berkenaan dengan pemberitaan isu keganasan.

## **ABOUT THE AUTHORS**

**Dafriзал** is currently a PhD candidate at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. **Faridah Ibrahim** is an Associate Professor in Journalism at the Faculty of Arts, Communication and Education, Infrastructure Universiti Kuala Lumpur. **Chang Peng Kee**, Ph.D. is a Senior Lecturer at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia. **Fauziah Ahmad**, Ph.D. is an Associate Professor at the School of Media and Communication Studies, Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia.

## **RUJUKAN**

- Anderson, T. 2008. Terrorism and censorship. Dlm. Mahan, S dan Griset, P.L. Terrorism in perspective, hlm. 242-246. London: Sage Publication.
- Basu, P.P. 2003. Terrorism and counter terrorism role of the media. Dlm. Mishra, O. & Ghosh, S. 2003. Terrorism and low intensity conflict in South Asian Region, hlm. 20-34. New Delhi: Manak Publications PVT. LTD.
- Bolz, F. Jr., Dudonis, J.K., & Schulz, P.D. 2005. The Counter terrorism Handbook: Tactics, Procedures, and Techniques. Boca Raton: CRC Press.
- Chailiand, G. & Blin, A. 2007. The history of terrorism from antiquity to al-Qaeda. California: University of California Press Chakraborti, T. 2003. Terrorism and the ASEAN states a classificatory and Prescriptive Analysis. Dlm. Mishra, O. & Ghosh, S. (pnyt.). Terrorism and low intensity conflict in South Asian region, hlm. 316-356. New Delhi. Manak Publications PVT. Ltd
- Chomsky, N. 2002. Media control: The spectacular achievements of propaganda. Canada: Seven Stories Press.
- Dafrizal & Faridah Ibrahim. 2010. Pembangkaian metafora dan isu terorisme: Satu interpretasi konseptual. Coverage, 1(1): 33-45.
- Dafrizal Samsudin & Faridah Ibrahim 2010. Framing of 'terrorism' issues in Indonesia: A study of two Malaysian and Indonesian mainstream newspapers. Journal of Media and Information Warfare, 3: 15-35.
- Daljit Singh. 2009. Terrorism in South and Southeast Asia in the coming decade. Singapore: ISEAS Publishing.
- Engene, O.J. 2004. Terrorism in Western Europe. Northampton: Edgar Elgar Publishing, Inc.
- Faridah Ibrahim. 2008. Media Stereotyping: Reporting war and terorism. Journal Online, South-South Information Gateway (SSIG).
- Faridah Ibrahim. 2003. Pengaruh pengurusan akhbar ke atas bilik berita. Dlm. Samsudin A. Rahim (pnyt). Kumpulan esei: Isu-isu komunikasi, hlm. 267-284. Bangi: Pusat Pengajian Media dan Komunikasi, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Ibrahim & Emma Mirza Wati Mohamad. 2005. War heroes. Terrorists, freedom fighters and fragile economy; from metaphor to 'WMDs'. Dlm. Latiffah Pawanteh (pnyt.). Jurnal Komunikasi, 21: 121-134.
- Fink, C.C. 1988. Strategic newspaper management. Boston: Allyn and Bacon.
- Ganor, B. 2005. Counter-Terrorism Puzzle: A Guide for decision Makers. New Jersey: Transaction Publishers, Rutgers.
- Giessmann 2002. Media and the Public Sphere: Catalyst and Multiplier of terrorism? Media Asia, 29(3): 134-136
- Jakarta Post, Julai 31, 2009.
- Juergensmayer, M. 2003. Terorisme para pembela agama. Terj. Amien Rozany Pane. Yogyakarta: Tarawang Press.

- Laqueur, W. 2002. A history of terrorism. New Jersey: Transaction Publishers.
- Mahony, I. 2010. Diverging frames: A comparison of Indonesian and Australian press portrayals of terrorism and Islamic groups in Indonesia. *The International Communication Gazette*, 72(8), 739-758.
- Manulang, A.C. 2006. Terorisme dan perang intelijen; Dugaan tanpa bukti. Jakarta: Manazaitun.
- McQuail. 2000. Mass communication theory: An introduction. Edisi Ke-4. London: Sage Publication.
- Mohd Azizuddin Mohd Sani .2004. Media freedom in Malaysia. *Journal of Contemporary Asia*, 35(3): 341-367.
- Mohd Safar Hasim. 2004. Akhbar dan kuasa: Perkembangan sistem akhbar di Malaysia sejak 1806. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Mohd Safar Hasim. 2005. Akhbar di Malaysia: Antara kebebasan dengan tanggungjawab. Bangi: Univeristi Kebangsaan Malaysia.
- Nelson, S. A. D. 2004. Southeast Asian press coverage of terrorism and the Bali bombing. *The Copenhagen Journal of Asian Studies* 20, 47-69.
- Nelson, S. A. D. 2006. News reporting on terrorism in Malaysia and Singapore. *Media Asia*, 33(3), 192-200.
- Sharom TM Sulaiman. 2002. Terorisme global dan pengganas agama. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distrubution Sdn. Bhd.
- Toeti Kakiailatu. 2007. Media in Indonesia: Forum for political change and critical assessment. *Asia Pacific Viewpoint*. 48 (1): 60-71
- Utusan Malaysia, 25 Julai 2009.
- White, J.R. 2006. Terrorism and homeland security. United State: thomson Wadsworth.
- Wilkinson, P.1974. Political Terrorism. London: The Macmillan Press. Ltd.